

# Syor perluas kerjasama

## Malaysia-Thailand

BH/16-8-12/5/5/G/PS - Siaran radio

**Padang Besar:** Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mahu kerjasama erat antara Malaysia-Thailand diperluaskan.

Katanya, kerjasama itu boleh mewujudkan hubungan secara langsung antara ketua jabatan kedua-dua negara, melangkaui rutin hubungan kerja rasmi.

Raja Muda berkata, hubungan langsung diwujudkan antara kedua-dua negara itu bukan sekadar di peringkat kerajaan dengan kerajaan, malah penduduk dengan penduduk tanpa membelakangi undang-undang.

"Kerjasama ketua jabatan yang sering berhubung dengan pihak negara jiran diharap dapat melonjak selangkah ke depan dengan mengambil inisiatif selain daripada melakukan rutin perhubungan melalui kerja rasmi biasa," katanya.

Terdahulu, Tuanku Syed Faizuddin berkeinginan menyampaikan bungkusan kuih raya, biskut dan kurma kepada agensi penguat kuasa di pintu sempadan negara.

“

*Kerjasama ini boleh mewujudkan hubungan secara langsung antara ketua jabatan kedua-dua negara”*

**Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail,**  
Raja Muda Perlis